



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(*Department of Agriculture Malaysia*)
WISMA TANI
ARAS 5-7, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2694 7001
E-mel: pro@doa.gov.my
Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VII(18)
(Our Ref.)
Tarikh : 18 Mac 2024
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

Akta Racun Makhluk Perosak 1974

**LANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN MAKMAL DI BAHAGIAN PERKHIDMATAN
MAKMAL, JABATAN PERTANIAN KUALA LUMPUR**

TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada syarikat racun makhluk perosak tentang pelanjutan tempoh penutupan makmal bagi tujuan analisis sampel untuk pendaftaran produk racun makhluk perosak dengan Lembaga.

LATAR BELAKANG DAN JUSTIFIKASI

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Racun Makhluk Perosak Bil. 2/2024 pada 15 Februari 2024 telah memutuskan supaya penghantaran laporan analisis dari makmal pihak ketiga diteruskan sehingga **Februari 2025**.

ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

2. Keputusan ini diambil berdasarkan keadaan bangunan makmal di Bahagian Perkhidmatan Makmal, Jabatan Pertanian Kuala Lumpur masih ditutup untuk kerja-kerja menaik taraf.
3. Sehubungan itu, pihak syarikat perlu menghantar laporan analisis dari makmal pihak ketiga bagi tujuan pendaftaran produk baharu dalam tempoh dinyatakan di atas.
4. Laporan analisis dari makmal pihak ketiga **mestilah dihantar bersama dokumen dossier** bermula penerimaan bulan **April 2024**. Dokumen *dossier* yang dihantar tanpa disertakan laporan analisis makmal akan **ditolak**.
5. Bagi syarikat yang telah menghantar permohonan sebelum ini tanpa laporan analisis dari makmal pihak ketiga, syarikat diberi tempoh masa **enam bulan (6)** dari tarikh penghantaran *dossier* yang telah dibuat untuk menghantar laporan analisis dari makmal pihak ketiga. Sekiranya laporan analisis tidak dihantar dalam tempoh enam bulan (6) tersebut, permohonan pendaftaran akan **ditamatkan serta-merta**.

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MAT IESAK BIN NGATHINEE)
Setiausaha,
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :

- 1) Ketua Pengarah Pertanian
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)
- 4) Pengarah Bahagian/ Pengarah Pertanian Negeri
- 5) Pengarah Eksekutif, Malaysian CropLife & Public Health Association (MCPA)